



POLISI PENGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS PERBANDARAN Pengerang

Polisi ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Badan Pentadbir

Bil. 1/2025, pada 10 Disember 2025

Polisi Penggunaan Media Sosial Majlis Perbandaran Pengerang			Tarikh Kuatkuasa: 23/7/2025
Nombor Dokumen: MPP-Polisi-04	Isu: 00	Pindaan: 01	Muka surat : 3 of 6

1. Tujuan Polisi

Polisi ini bertujuan untuk menerangkan tatacara, peraturan dan kawalan kandungan media sosial yang perlu dipatuhi oleh warga Majlis Perbandaran Pengerang (MP Pengerang) supaya:

- i. Penyebaran dan perkongsian maklumat adalah terkawal.
- ii. Maklumat yang dipaparkan tidak akan menjejaskan kepentingan perkhidmatan awam dan kedaulatan negara.
- iii. Mengelakkan isu salah laku dan penyebaran maklumat tidak beretika di media sosial.
- iv. Memastikan maklumat yang disampaikan adalah jelas dan tepat; dan
- v. Menampilkan imej korporat MP Pengerang.

2. Tafsiran

Berdasarkan polisi ini, tafsiran yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- i. Media sosial merujuk kepada kemudahan aplikasi Internet yang dicipta untuk membolehkan penyampaian maklumat dan kandungan media serta untuk mempermudah interaksi di antara pengguna dan penyelia kandungan.
- ii. Media sosial terdiri daripada Facebook, Twitter, Tiktok, Youtube, Blog, Google +, Intagram dan lain-lain.
- iii. Media Sosial MP Pengerang terdiri daripada media sosial yang diwujudkan untuk kegunaan rasmi .

3. Peraturan

- i. Berhati-hati mengenai maklumat sulit: dilarang mendedahkan maklumat sulit mengenai MP Pengerang, maklumat peribadi staf, atau pihak-pihak yang bekerjasama MP Pengerang.
- ii. Berwaspada dengan hakcipta dan harta intelek pihak lain dan pihak MP Pengerang.
- iii. Penggunaan logo MP Pengerang hanya dibenarkan kepada laman media, blog, atau saluran rasmi MP Pengerang serta untuk acara atau maklumat rasmi MP Pengerang sahaja.

Polisi Penggunaan Media Sosial Majlis Perbandaran Pengerang			Tarikh Kuatkuasa: 23/7/2025
Nombor Dokumen: MPP-Polisi-04	Isu: 00	Pindaan: 01	Muka surat : 4 of 6

- iv. Dilarang memuat naik, berkongsi (share) maklumat, pautan, gambar, video atau bahan-bahan yang berunsur negatif termasuk yang berunsur lucah, perkauman, ganas atau penghinaan.
- v. Dilarang memuat naik, berkongsi (share) maklumat, pautan, gambar atau apa jua pernyataan fitnah, ancaman atau berbaur hasutan yang boleh memburuk dan menjatuhkan imej MP Pengerang, Kerajaan dan Institusi Raja.
- vi. Dilarang memuat naik, berkongsi (share) yang berunsur aktiviti jenayah seperti menyebarkan bahan yang membabitkan perjudian, senjata dan aktiviti penganas.
- vii. Dilarang memuat naik iklan-iklan berkaitan perniagaan, pemasaran di laman sosial rasmi jabatan, unit, fakulti dan MP Pengerang tanpa arahan atau mendapat kebenaran dari MP Pengerang melalui Ketua Jabatan.

4. Panduan

- i. Benar dan tepat : Pastikan fakta, kandungan, tatabahasa dan ejaan disemak terlebih dahulu sebelum disebarkan.
- ii. Fikir dan pastikan : Setiap yang dipaparkan dalam laman media sosial dibaca dan berkemungkinan disebarluas dengan sangat cepat. Elakkan mengumumkan sesuatu pengumuman yang belum di paparkan dalam laman web rasmi dan Facebook MP Pengerang. Sekiranya kurang pasti tentang sesuatu berita atau pengumuman, semak terlebih dahulu dengan Unit Komunikasi Korporat MP Pengerang.
- iii. Memelihara dan melindungi reputasi MP Pengerang: Gunakan ayat yang baik serta tunjukkan profesionalisme dalam setiap hebahan atau komen. Sekiranya ada kritikan dari pihak luar, jawab dan komen dengan mesra, berhemah dan profesional serta sentiasa menunjukkan rasa hormat kepada semua pihak.
- iv. Fahami cara dan peraturan: Cuba fahamkan peraturan dan polisi yang dikeluarkan oleh setiap laman sosial (contoh: Facebook Privacy Policy , Twitter Privacy Policy , Instagram Privacy Policy , Youtube Policy Center)

5. Tanggungjawab Warga Majlis Perbandaran Pengerang

Sebagai warga MP Pengerang, yang mana di dalam laman sosial peribadi dinyatakan bahawa mereka haruslah bertanggungjawab memastikan setiap pernyataan/ status/ dan maklumat yang dinyatakan dan dikongsikan di laman sosial adalah:

- i. Lengkap dan jelas pernyataannya,

Polisi Penggunaan Media Sosial Majlis Perbandaran Pengerang			Tarikh Kuatkuasa: 23/7/2025
Nombor Dokumen: MPP-Polisi-04	Isu: 00	Pindaan: 01	Muka surat : 5 of 6

- ii. Tidak menjejaskan imej Kerajaan,
- iii. Tidak mengandungi maklumat rahsia dan isu-isu sensitif seperti agama, politik, perkauman, Institusi Raja atau yang boleh menyentuh sensitiviti umum di Malaysia ,
- iv. Tidak mengandungi unsur lucah,
- v. Tidak mengandungi unsur fitnah, hasutan dan menyalahi undang-undang,
- vi. Tidak berniat mengaibkan individu atau kumpulan tertentu,
- vii. Tidak menyalahgunakan kemudahan sosial sehingga mengganggu kualiti masa bekerja.

6. Tanggungjawab Webmaster dan Unit Komunikasi Korporat

Setiap pengurus atau pasukan pengendali laman sosial MP Pengerang haruslah:

- i. Menyemak dan mengemaskini kandungan media sosial rasmi mengikut keperluan semasa .
- ii. Mengesahkan kesahihan maklumat yang akan dimuat naik di laman sosial.
- iii. Menyemak dan memilih foto dan video yang sesuai untuk dimuatnaik, kriteria yang perlu dipatuhi adalah:
 - Foto dan video haruslah berkaitan dengan pelaksanaan program atau acara rasmi MP Pengerang .
 - Foto dan video yang dimuat naik mesti disertakan penerangan (caption) yang mengandungi nama program/ acara, tarikh, masa, tempat dan tetamu yang menghadirinya.
 - Foto dan video tersebut boleh meningkatkan imej dan nama baik MP Pengerang.
 - Foto dan video yang boleh menggalakkan perbincangan serta percambahan idea yang kreatif dan inovatif.
 - Foto dan video yang dapat mempromosikan inisiatif MP Pengerang.
 - Foto dan video yang dimuatnaik hendaklah jelas dan berkualiti.
 - Elakkan memuatnaik foto dan video yang tidak sesuai dan tidak berkaitan dengan program atau acara rasmi MP Pengerang,

Polisi Penggunaan Media Sosial Majlis Perbandaran Pengerang			Tarikh Kuatkuasa: 23/7/2025
Nombor Dokumen: MPP-Polisi-04	Isu: 00	Pindaan: 01	Muka surat : 6 of 6

Contoh: Program ceramah tetapi foto yang dimuatnaik menunjukkan pegawai yang sedang menikmati jamuan.

- Elakkan juga foto dan video yang boleh menjejaskan imej MP Pengerang.
Contoh: Foto pegawai dengan mata terpejam, menggaru atau sedang menguap, perlakuan tidak sopan (sedang memegang hidung, pandangan yang di ambil dari sudut belakang) dan situasi yang boleh di salah anggap (Menunding jari, bersalaman tetapi kurang mesraa, muka VIP yang sedang tunduk ke bawah, gambar meja makan dengan sisa makanan).
- iv. Memberi maklum balas kepada pertanyaan dengan serta-merta setelah menerima maklumat berkaitan.
- v. Menggunakan ayat yang lengkap dan jelas maksudnya.
- vi. Menggalak dan mempromosikan penggunaan media sosial.
- vii. Menapis komen, pertanyaan atau maklumat daripada pengguna; dan
- viii. Menghapuskan pautan iklan atau perkhidmatan komersil yang ditawarkan oleh pihak luar atau lain-lain pautan yang tidak berkaitan.

7. Penutup

Kerjasama dan komitmen daripada semua warga MP Pengerang untuk berkongsi maklumat dapat membuka ruang yang lebih luas. Pengendalian media sosial secara profesional adalah penting dalam perkongsian dan penyebaran maklumat dengan orang ramai. Perkongsian ini perlulah dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan bagi melahirkan perhubungan yang harmoni.